

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN**  
**KAWASAN : PUNCAK BORNEO**  
**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat membina jejantas untuk memudahkan penduduk Kpg Sungai Barie dan Kpg Lintang Baru untuk menyeberang Lebuh Raya Pan Borneo (Jajaran Kuching–Serian), khasnya pelajar sekolah daripada Kampung Lintang Baru yang hendak menyeberang Lebuh Raya Pan Borneo untuk pergi ke sekolah SK Sungai Kenyah. Kini jumlah kenderaan amat banyak termasuk kenderaan berat dan amat berbahaya untuk para pejalan kaki untuk menyeberang Lebuh Raya tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian laluan utama dari Kuching ke Serian telah dinaik taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala pada tahun 2009. Laluan Kuching-Serian ini merupakan antara jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang telah sedia dinaikkan taraf. Oleh itu ia tidak termasuk dalam skop projek Rakan Pelaksana Projek atau PDP Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang kini sedang dilaksanakan.

Mengenai permohonan pembinaan jejantas pejalan kaki di laluan berkenaan iaitu berhampiran Sekolah Kebangsaan Sungai Kenyah, Kementerian Kerja Raya akan mendapatkan ulasan teknikal daripada JKR Sarawak bagi menentukan kebolehlaksanaan (warrant). Peruntukan bagi pelaksanaan projek ini akan dipertimbangkan setelah ulasan teknikal berkenaan diterima.

Sekian, terima kasih.